

TUBUHKAN BADAN PEMANTAU KHAS BAGI SEMUA PROJEK KERAJAAN

Mutakhir ini rakyat Malaysia disajikan dengan pelbagai projek kerajaan bermasalah yang menelan belanja jutaan ringgit. Masyarakat mula mempertikaikan ketelusan dan keberkesanan agensi kerajaan dalam menangani masalah ini yang merupakan permasalahan besar negara pada masa kini. Dengan kenaikan harga petrol dan kemungkinan juga kenaikan harga elektrik telah menimbulkan pelbagai reaksi negatif masyarakat terhadap kerajaan.

Di sini, penulis ingin menyatakan rentetan kejadian-kejadian yang melibatkan kegagalan dan kelemahan projek-projek kerajaan. Pertama, penutupan laluan Lebuhraya Baru Lembah Klang (NBKVE) ke Kuala Lumpur akibat tanah runtuh yang berlaku hujung tahun lepas. Kedua, kejadian helikopter terhempas di Bakalalan Sarawak yang mengorbankan banyak nyawa cerdas pandai di Malaysia dan menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit. Ketiga, keretakan di 31 daripada 33 tiang jejambat di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2) Kepong. Keempat, kejadian tanah runtuh di Kilometer 302 Lebuhraya Utara Selatan berhampiran Gua Tempurung. Kelima, projek pembinaan sekolah terbengkalai di seluruh Malaysia. Keenam, Lebuhraya Karak-Kuantan yang dikatakan merbahaya kepada pengguna. Ketujuh, isu Hospital Besar Sultan Ismail di Johor yang diserang kulat dan yang terbaru ialah pendedahan Yang Berhormat Datuk Seri S. Samy Vellu berkenaan projek bermasalah yang melibatkan bangunan Perdagangan di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Sekiranya dijumlahkan kerugian yang ditanggung oleh kerajaan bagi kegagalan dan kelemahan projek di atas ianya mungkin mencecah angka billion ringgit. Bukan itu sahaja, betapa ramai nyawa yang telah terkorban dan betapa banyak masa yang telah disia-siakan begitu sahaja. Bayangkan betapa sesaknya Lebuhraya persekutuan apabila terpaksa menampung ratusan ribu kenderaan setiap hari apabila Lebuhraya Baru Lembah Klang (NBKVE) ke Kuala Lumpur yang ditutup akibat kejadian tanah runtuh dan bayangkan kesesakan yang bakal diharungi menjelang musim hari raya aidilfitri akibat kejadian tanah runtuh di Kilometer 302 Lebuhraya Utara Selatan. Dari aspek pendidikan, betapa ruginya rakyat Malaysia apabila sekolah yang bernilai hampir RM40 juta ringgit di Langkawi terbiar begitu sahaja. Masalah-masalah ini bakal membantutkan hasrat Malaysia untuk mencapai Wawasan 2020.

Berikut adalah cadangan-cadangan penulis bagi membendung dan menyelesaikan masalah-masalah yang diutarakan di atas. Pertama, tubuhkan badan pemantau khas yang bebas bagi memantau dan memastikan keberkesanan dan kelancaran projek kerajaan. Satu badan yang bebas, telus dan terdiri daripada golongan professional yang dipengerusikan oleh pemimpin tertinggi negara diperlukan bagi maksud ini.

Kedua, memberikan “rating” kepada semua kementerian dan jabatan kerajaan termasuk kontraktor yang terlibat dan juga mengaplikasikan satu sistem indikator prestasi (Performance Indicator). Kaedah ini akan mewujudkan persaingan yang sihat dan halatuju yang jelas dikalangan kementerian, jabatan kerajaan dan kontraktor dan seterusnya menghasilkan satu kerja yang bermutu dan terancang.

Ketiga, kearah pensijilan ISO di setiap kementerian, jabatan kerajaan dan kontraktor. Pengalaman penulis membuktikan pensijilan ISO ini telah dapat mewujudkan satu sistem yang lebih teratur dan dapat mengurangkan campurtangan manusia dan politik memandangkan ISO mensyaratkan hampir semua perkara perlu didokumentasikan dan syarat pensijilannya yang amat ketat.

Keempat, peranan media yang lebih aktif dan efisien bagi maksud pendedahan projek bermasalah di seluruh negara. Ini memandangkan pendedahan daripada media lebih mencerminkan keikhlasan berbanding pendedahan yang dibuat oleh pihak pembangkang yang selalu dikaitkan dengan motif politik. Syabas kepada pihak TV3, NTV7, RTM dan semua pihak media lain yang telah membuktikan keberkesanan dan kemampuan media merubah sesuatu dan telah menunjukkan peranan dan tanggungjawab sosial mereka.

Langkah-langkah yang setimpal, efisien, hikmah dan terancang perlu dilaksanakan dengan penuh keikhlasan iaitu demi kebaikan semua rakyat Malaysia. Berdasarkan pemerhatian masyarakat pada masa kini, masih ada keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan bagi mengatasi dan membendung masalah yang tersebut di atas. Tunaikanlah kepercayaan rakyat yang telah diberikan pada pilihanraya lalu dan marilah bersama-sama merealisasikan hasrat murni negara iaitu ke arah pembentukan bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang. **ZULKIFLI HASAN.**